

07 JUL 2001

Mahathir-Pembangkang

MAHATHIR LABEL BARISAN ALTERNATIF SEBAGAI BARISAN TIRUAN

KUALA LUMPUR, 7 Julai (bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melabelkan pakatan pembangkang atau "Barisan Alternatif" sebagai barisan tiruan yang gagal meniru konsep kerjasama ala Barisan Nasional (BN) kerana tidak mempunyai niat ikhlas dan cuba menipu sesama sendiri.

Pengerusi BN itu berkata gabungan BN yang terdiri daripada 13 parti komponen merupakan gabungan unik kerana telah dapat menjalankan kerjasama yang kukuh dan terus kekal sehingga kini serta diiktiraf oleh negara asing.

"Rupa-rupanya, sepanjang masa parti lawan melihat hasil kerjasama ala BN dan dengan itu, merekapun bertungkus-lumus cuba memeluk masing-masing untuk berkawan walaupun mereka menjadi musuh ketat (kerana) mereka tak pernah mempunyai satu matlamat yang sama.

"Selagi mereka tidak dapat bekerjasama, parti-parti lawan ini tidak mungkin mengalahkan BN. Pada pilihan raya 2004, kita akan kata 'goodbye' kepada barisan tiruan. Barang yang ditiru tidak pernah mempunyai kualiti yang baik," katanya pada ucap tama Konvensyen BN Keempat di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Pakatan pembangkang itu dianggotai PAS, DAP, Parti Keadilan Nasional (Keadilan) dan Parti Rakyat Malaysia (PRM).

Beliau berkata hasrat pakatan pembangkang meniru pendekatan BN gagal kerana sering memperalatkan sesama sendiri untuk kepentingan parti masing-masing sahaja.

Katanya ada juga pihak yang sanggup ditipu seperti yang berlaku terhadap Keadilan yang diperalatkan oleh PAS dan DAP.

"Saya berasa amat sedih dengan parti Keadilan ini. Dunia memikirkan bahawa parti inilah yang akan menggantikan Umno. Ini adalah angan-angan...mimpi di siang hari.

"Apa yang sebenarnya berlaku ialah DAP dan PAS cuba guna Keadilan untuk dapat sokongan pihak tertentu bagi parti mereka dan hari ini kita dapat lihat bagaimana berjaya PAS memperalatkan parti Keadilan ini," katanya.

Dr Mahathir berkata DAP juga tidak terkecuali daripada "diperkudakan" PAS tetapi DAP tidak menyedari bahawa masyarakat Cina menolak parti itu kerana kerjasamanya dengan PAS.

Beliau berkata ini terbukti apabila pemimpin peringkat tertinggi DAP Lim Kit Siang dan Karpal Singh kalah pada pilihan raya umum 1999.

"Amat bijak pemimpin PAS ini. Mereka dapat memperkudakan DAP. Mereka berpeluk (dengan) Kit Siang dari hadapan...sebenarnya mereka menunggang Kit Siang dari belakang," katanya.

Beliau berkata sikap PAS yang memperalatkan rakan-rakan sekomponennya telah berjaya menyingkirkan DAP daripada mengetuai pembangkang di Dewan Rakyat yang mana tempat itu yang sebelum ini diduduki Lim kini diisi oleh Presiden PAS Datuk Fadzil Nor.

"Keruspun sudah bertukar...saya percaya bahawa riwayat hidup DAP sudahpun tamat. 'Goodbye' DAP. Selagi DAP rela diperkudakan oleh PAS, selama itulah mereka akan gagal," kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

ZAI AKT MAM AKD